

1977

PULAU PINANG, 2 OGOS (BERNAMA) -- SEBUAH JAWATANKUASA PEMANDU TELAH DITUBUHKAN BAGI MENOLONG MENGATASI BERBAGAI MASALAH DAN KELEMAHAN DI BIDANG EKONOMI YANG DIHADAPI OLEH KAUM BUMIPUTERA DI PULAU PINANG, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA JAWATANKUASA YANG DIPENGERUSIKANUBERSAMA OLEH KETUA PENGARAH UNIT PELAKSANAAN DAN PENYELARASAN DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI AKAN MENYELARASKAN KEGIATAN BEBERAPA JABATAN KERAJAAN YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENERANGKAN PENUBUHAN JAWATANKUASA TERSEBUT DILAKUKAN BERIKUTAN RUNDINGANNYA DENGAN KETUA PENGARAH UNIT ITU BARU-BARU INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU DEMIKIAN DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI WISMA PERSEKUTUAN DI SINI DIAKHIR LAWATAN DUA HARI NYA KE PULAU PINANG.

MENURUT BELIAU, KERAJAAN TELAH MENGESAN BEBERAPA KELEMAHAN YANG DIALAMI OLEH BUMIPUTRA NEGERI INI BERTURUTAN DENGAN EKONOMI DAN SEKIRANYA KELEMAHAN ITU DAPAT DIATASI, MASALAH-MASALAH BUMIPUTERA AKAN DAPAT DISELESAIKAN. -- BERSAMBUNG 1628/ZCM

cc

B601:

MAHATHIR - BUMIPUTERA 2 PULAU PINANG

BELIAU MENEGASKAN SUNGGUHPUN BERBAGAI USAHA TELAH DIJALANKAN BAGI MEMBANTU BUMIPUTERA PULAU PINANG, KEJAYAAN YANG DICAPAI SETAKAT INI BELUM BEGITU MENGGALAKKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN MEMANDANG BERAT TERHADAP KELAMBATAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK TERTENTU, TERUTAMA YANG TIDAK DISIAPKAN MENGIKUT JADUAL.

SEGALA MASALAH YANG BERSANGKUTAN DENGAN PENTADBIRAN PERLU DI ATASI SEGERA SUPAYA SEMUA PROJEK YANG DITETAPKAN BERJALAN DENGAN SEMPURNA, TAMBAHNYA.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA, KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMPERI JAMINAN BAHAWA SEMUA PROJEK AKAN DAPAT DISIAPKAN DALAM JANGKAMASA YANG DITETAPKAN TETAPI AKAN BERUSAHA SEBERAPA DAYA UNTUK MENCAPAI MATLAMATNYA.

INI KERANA ADANYA BEBERAPA HALANGAN YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN SEPERTI MASALAH SETINGGAN, TANAH DAN KEWANGAN.

MENGENAI PERJUMPAAN YANG DIADAKANNYA DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL NEGERI KELMARIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENJELASKAN KEPADA MEREKA KONSEP BARISAN YANG SEBENARNYA.

-- BERSAMBUNG 1633/ZCM

cc

MAHATHIR - BUMIPUTRA 3 PULAU PINANG

27

BELIAU MENERANGKAN WALAUPUN MEREKA MENJADI AHLI-AHLI PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, MASIH ADA AHLI YANG MEMPUNYAI TAFSIRAN YANG BERLAINAN MENGENAI KONSEP ITU.

+BARISAN NASIONAL BUKAN SEBUAH PARTI POLITIK TETAPI MERUPAKAN GARUNGAN PARTI-PARTI POLITIK DI MANA SETIAP AHLI MASIH KEKAL DENGAN PARTINYA DAN TUJUAN-TUJUAN TERSENDIRI.+

BELIAU MENEKANKAN BAHWA KEJAYAAN BARISAN BERGANTUNG KUAT KEPADA KEUPAYAAN PARA PEMIMPINNYA UNTUK MEMBERI PENERANGAN YANG JELAS KEPADA AHLI MASING-MASING.

MENYENTUH TENTANG MASALAH PEMFAHAGIAN KERUSI DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN, TIMBALAN PERDANA MENTERI PERKATA KELEBIHAN PERUNTUKAN KERUSI KEPADA MANA-MANA PARTI BERGANTUNG KEPADA PENGORPANAN SEBUAH PARTI LAIN.

JIKA SEMUA PARTI KOMPONEN MAHUKAN TILANGAN KERUSI YANG LEBIH, MAKA SUKARLAH BAGI BARISAN NASIONAL UNTUK MELAYANINYA, UJAR BELIAU.

BELIAU JUGA MENAFIKAN DAKWAAN TAWAWA TERDAPAT KONFLIK DI ANTARA PARA AHLI BIASA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN. -- BERSAM-

BUNG 1642/ZCM

MAHATHIR - BUMIPUTERA 4 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENYATAKAN BAHWA BELIAU AKAN MEMBERI PENJELASAN TENTANG KEDUDUKAN KERAJAAN SEBAGAI MAJIKAN APABILA RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI PENUBUHAN SEBUAH TRIBUNAL BAGI MENYELESAIKAN SEMUA ANOMALI BERIKUTAN PELAKSANAAN GAJI BARU DI BENTANGKAN DI SIDANG DEWAN NEGARA KELAK.

BELIAU MEMBERITAHU BAHWA AHLI-AHLI TRIBUNAL ITU AKAN TERUS DIKEKALKAN SELAGI TERDAPAT MASALAH BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN LAPORAN GAJI JAWATANKUASA KABINET YANG BELIAU SENDIRI MENJADI Pengerusinya.

TENTANG MASALAH PEKERJAAN DI KALANGAN PARA SISWAZAH, BELIAU MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA JANGAN TERLALU MEMILIH KERJA KERANA KELULUSAN PERINGKAT UNIVERSITI SEKARANG HANYA MERUPAKAN SATU "SIMBOL KEMEGAHAN" SAHAJA.

KATANYA, MASALAH ITU JUGA DISEPAKANKAN SETENGAH-SETENGAH PELAJAR MENGIKUTI JURUSAN YANG KURANG ATAU TIDAK LANGSUNG MEMPUNYAI PELUANG PEKERJAAN.

BELIAU LALU MENGGESA MEREKA SUPAYA MENGAMBIL KURSUS-KURSUS YANG SANGAT DIPERLUKAN OLEH NEGARA SEKARANG SEPERTI DI BIDANG KEJURUTERAAN, KEDOKTORAN DAN UNDANG-UNDANG. -- BERNAMA HM. 1730